

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kenapa arahan Menteri bertarikh 15 Mei 2020 berkenaan Spektrum 700MHz telah pun ditandatangani dan bukan melalui tender terbuka seperti yang dirancang oleh MCMC pada awal tahun 2020 dan apakah status dan strategi pengagihan spektrum tersebut sekarang. Nyatakan apakah status pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pengagihan spektrum di negara ini adalah tertakluk kepada rangka kerja yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan perundangan subsidiari yang relevan termasuklah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk memperuntukkan spektrum kepada pemberi perkhidmatan, iaitu secara lelongan, tender atau pelaksanaan hak keutamaan (pemberian secara terus) di bawah seksyen 174 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

2. Tujuan pelaksanaan pengagihan jalur spektrum adalah untuk perkhidmatan jalur lebar serta perkhidmatan 5G di mana ia akan dikaji semula secara holistik. Kajian semula pengagihan spektrum ini akan melibatkan beberapa jalur spektrum termasuk jalur 700 MHz dengan mengambil kira matlamat untuk memastikan perkhidmatan 4G sedia ada dioptimumkan dan diperluaskan terutamanya di kawasan luar bandar dan pada masa yang sama, membuat persiapan ke arah pelaksanaan rangkaian 5G. Ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan jalur lebar sedia ada kepada rakyat dapat dipertingkatkan di samping menaik taraf perkhidmatan yang telah disediakan dengan menggunakan rangkaian teknologi terkini.

Status pelaksanaan teknologi 5G

3. Sepertimana YB sedia maklum, melalui Projek Demonstrasi 5G Malaysia yang telah dilancarkan sejak Oktober 2019, sejumlah 72 kes-kes kegunaan 5G telah dibangunkan dan didemonstrasikan di 56 tapak (live site) merentasi 6 buah negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

4. Projek ini memberi tumpuan kepada sembilan (9) bidang industri yang dikenal pasti iaitu bandar pintar, hiburan/media, minyak dan gas, pelancongan, pembuatan dan pemprosesan, pendidikan, pengangkutan pintar, kesihatan digital dan pertanian. Projek ini turut mendapat sokongan dan komitmen padu daripada penggiat industri telekomunikasi dan multimedia dengan sumbangan pelaburan dianggarkan sebanyak RM143 juta.

Inisiatif ini juga dilihat sebagai usaha untuk memperkenalkan teknologi 5G kepada masyarakat melalui kes-kes kegunaan yang didemonstrasikan bagi memberi kesedaran serta pengalaman bagaimana teknologi 5G ini dapat dimanfaatkan apabila dikomersilkan pada suku ketiga tahun ni kelak.

5G membantu dalam menangani COVID-19

5. Kerajaan meneruskan pelbagai inisiatif 5G semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dengan tujuan memudah cara dan meringankan beban semua pihak terutamanya petugas-petugas barisan hadapan dan pasukan perubatan.

6. Syarikat-syarikat telekomunikasi telah menyambut baik permintaan Kerajaan, dengan **menambah baik rangkaian sedia ada serta menyediakan rangkaian 5G terutamanya di hospital dan pusat kuarantin.**

7. Perkhidmatan **kes-kes kegunaan 5G yang telah dibangun dan dilaksanakan melalui Projek Demonstrasi 5G Malaysia (5GDP) juga** diteruskan untuk membantu dalam menangani penularan COVID-19, iaitu:

- i. **Pemasangan stesen pemancar 5G di dua pusat kuarantin COVID-19 di Selangor** (Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh bagi menyediakan akses WiFi percuma dengan rangkaian 5G kepada petugas barisan hadapan serta pengguna-pengguna di situ;
- ii. **Rangkaian telekomunikasi dinaik taraf kepada 5G** dengan menyediakan akses WiFi dengan kelajuan 5G untuk menampung keperluan telekomunikasi semua kakitangan kecemasan, pesakit dan pelawat di Hospital Sultanah Maliha, Pulau Langkawi, Kedah;
- iii. **Penyediaan akses rangkaian 5G** untuk memberi sokongan kepada doktor pakar dan petugas-petugas di wad kecemasan menggunakan aplikasi 5G seperti konsultasi jarak jauh tanpa gangguan melalui penghantaran data berkelajuan tinggi di Hospital Sultanah Maliha, Pulau Langkawi, Kedah;

- iv. **Pemantauan pergerakan penduduk semasa melalui Penyelesaian Lampu Isyarat Pintar, Penyelesaian Keselamatan dan Pengawasan Pintar dari Pusat Kawalan 5G (5GCC)**, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi membantu pihak-pihak berkuasa dalam pemantauan keselamatan di beberapa lokasi tertentu seperti Pantai Chenang, Jalan Persiaran Chenang; dan
- v. **Pemantauan keselamatan bagi kes-kes kegunaan penyelesaian bandar pintar** yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) dan analisis video dengan kualiti gambar berdefinisi tinggi untuk fungsi keselamatan seperti pemantauan suhu, pengecaman wajah, analisis rakan sekerja yang dikenali, pelanggaran lalu lintas dan analisis kenderaan.

8. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus komited untuk berkongsi maklumat dan inisiatif terkini dengan semua pihak agar teknologi 5G ini dapat diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat di dalam sebuah ekosistem yang harmoni.

9. Kerajaan mensasarkan perkhidmatan 5G akan diperkenalkan secara komersial untuk industri vertikal tertentu dahulu dan kemudiannya kepada umum secara berperingkat di kawasan-kawasan terpilih setelah proses pengagihan spektrum dimuktamadkan.